

## Perang Melawan Pandemik COVID-19 Menuntut Pengorbanan



Oleh: Ammar Hakim Bin Sabri

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 10 Ogos 2021*

Tahun ini, sekali lagi umat Islam terutamanya di Malaysia menyambut Hari Raya Aidiladha sewaktu negara masih dilanda musibah wabak COVID-19.

Namun, kali ini lebih mencabar kerana peningkatan kes harian COVID-19 di Malaysia semakin merunsingkan.

Sehubungan itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat menjelang Aidiladha tahun ini berbanding tahun sebelumnya.

Sudah semestinya rakyat Malaysia masih lagi tidak dibenarkan untuk merentas negeri disebabkan masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Antara SOP yang mesti diketahui adalah larangan untuk ziarah serta takbir raya dari rumah ke rumah. Begitu juga ziarah ke tanah perkuburan adalah dilarang sama sekali.

Jamuan hari raya dan rumah terbuka juga tidak dibenarkan kerana rakyat masih lagi terikat dengan sekatan merentas negeri dan daerah tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa.

Semua itu pengorbanan yang perlu dilakukan oleh umat Islam di negara ini demi memastikan penularan COVID-19 dapat dihalang.

Dalam situasi sambutan Aidiladha di Malaysia tahun ini, rakyat perlu berkorban dengan mematuhi segala SOP yang ditetapkan oleh kerajaan.

Langkah itu adalah untuk kebaikan bersama demi memutuskan wabak COVID-19 daripada terus menular dan ia merupakan suatu perjuangan yang bukan sia-sia dan kita bakal beroleh ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Zalzalah ayat 7 yang bermaksud, “Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya).”



Sekatan jalan raya (SJR) oleh pihak berkuasa (Gambar hiasan)

Hakikatnya, masih ramai yang belum menyedari bahawa musuh yang sebenar-benarnya adalah wabak COVID-19 itu sendiri.

Malah ramai dalam kalangan masyarakat kita yang mencuba sedaya upaya untuk merentas negeri. Ada yang sanggup meredah laluan tikus dan memusnahkan sekatan jalan semata-mata untuk pulang berhari raya di kampung.

Dalam fikiran mereka hanyalah ingin merentas negeri untuk pulang ke kampung halaman tanpa menyedari bahawa mereka boleh mengancam nyawa insan-insan tersayang akibat kedegilan mereka sendiri.

Ambillah iktibar daripada apa yang berlaku selepas Hari Raya Aidilfitri yang lalu di mana kes COVID-19 melonjak dengan mendadak. Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, sebanyak 40 kluster keagamaan dilaporkan kesan akibat aktiviti merentas negeri.

Rakyat Malaysia perlu bersama-sama memikul tanggungjawab dalam memastikan kemenangan dalam memerangi COVID-19.